

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 AUGUST 2016

'Keling': Dr. Mahathir dibidas

UM - 8/8/2016

KUALA LUMPUR 7 Ogos - Tun Dr. Mahathir Mohamad dibidas berikutan tindakan beliau menggunakan perkataan 'keling' bagi merujuk kaum India yang disifatkan sebagai satu penghinaan.

Ketua Pemuda MIC, **C. Sivarajah** berkata, parti tersebut mengutuk sekeras-kerasnya tindakan bekas Perdana Menteri itu, lebih-lebih lagi beliau sendiri pernah memimpin sebuah negara berbilang kaum yang turut terdiri daripada masyarakat India.

"Kita semua tahu bagaimana orang India merana selama 22 tahun di bawah pentadbiran beliau. Kini kita tahu apa sebabnya.

"Sebab beliau mempunyai pandangan bahawa komuniti In-

dia sebagai buta huruf, tidak bertamadun serta menghalang dia daripada terus maju ke hadapan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Presiden Parti Barisan Kemanjuaan India Se-Malaysia (IPF), **Datuk M. Sambanthan** pula turut menzahirkan rasa kecewa terhadap perbuatan Dr. Mahathir itu.

Beliau pada masa sama mendesak supaya Dr. Mahathir memohon maaf secara terbuka kepada semua rakyat India di negara ini.

"Ketika zaman pemerintahan Dr. Mahathir, masyarakat India memberi sokongan padu kepada beliau. Tetapi kini, beliau menggunakan perkataan yang meng-

hina kami.

"Saya secara peribadi memang tidak berpuas hati. Lebih-lebih lagi keluar daripada mulut seorang yang pernah memimpin negara," jelas beliau.

Ketua Wanita MIC, **M. Mohana** pula tidak sangka Dr. Mahathir sanggup melakukan apa sahaja termasuklah menghina kaum yang pernah menyokong kepeimpinannya semata-mata untuk kepentingan peribadi.

"Adakah beliau faham maksud perkataan yang dikeluarkan? Wanita MIC mahu ingatkan Dr. Mahathir supaya jangan sampai masyarakat India hilang langsung rasa hormat terhadap beliau," ujarnya.